

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR STAR]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR STAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa punca halangan untuk membenarkan pegawai perubatan kontrak supaya ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) serta apa usaha untuk menambah peluang tersebut kepada pegawai perubatan kontrak yang merupakan *frontliner* sekarang.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 22 Julai 2008 urusan penawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada pegawai perubatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia. Dasar dan tatacara semasa menetapkan bahawa pemberian HLP hanya dipanjangkan kepada pegawai perubatan berstatus tetap yang memenuhi syarat-syarat:

- i. Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa; dan
- ii. Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85 peratus bagi tempoh genap tiga (3) tahun berturut-turut.

Bilangan permohonan yang diterima bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 2017 hingga 2019 adalah sebanyak 3,000 hingga 3,200 permohonan yang diterima berbanding hanya 1,000 tempat sahaja berdasarkan peruntukan yang disediakan.

Demi menjaga keharmonian skim perkhidmatan pegawai perubatan, sewajarnya penawaran HLP hanya diberikan kepada pegawai perubatan tetap sahaja memandangkan masih ramai lagi yang belum berpeluang ditawarkan HLP bagi menyambung pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan.

Sekian, terima kasih.